

Headline	Lalang tumbang di LPT		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	27 Feb 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	P7	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	281 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,637



'Lalang' tumbang di LPT

Kantoi miliki hampir satu kilogram heroin selepas terbabit kemalangan

TEMERLOH – Tindakan seorang lelaki khayal dadah hingga terbabit kemalangan membongkar rahsia dia memiliki hampir satu kilogram heroin bernilai RM15,000 yang cuba dibawa pulang ke Bera selepas mengambil bekalan dari Kuala Lumpur.

Ketua Polis Daerah, Pemangku Asisten Komisioner Abdul Aziz Salleh berkata, lelaki berusia 31 tahun dikenali sebagai 'Lalang' itu terbabas ketika menunggang motosikal seorong diri di Kilometer 100.7 Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) dekat Lanchang, kira-kira jam 8 pagi Sabtu lalu.

Menurutnya, polis trafik yang menyiasat kemalangan

itu kemudiannya mengesyaki sesuatu dan melaporkan kepada jabatan narkotik sebelum menemui sejumlah dadah jenis heroin dengan berat kasar 944.20 gram.

"Polis turut merampas RM2,190 disyaki wang hasil pengedaran dadah daripada lelaki terbabit," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh, semalam.

Abdul Aziz berkata, lelaki terbabit kini menjalani rawatan di Hospital Sultan Ahmad Shah (Hoshas) selepas patah tangan dan luka di muka serta badan.

Menurutnya, lelaki yang sudah berkahwin itu memiliki lima rekod kesalahan lampau antaranya curi dalam bangunan, curi kendaraan dan berkaitan dadah.

Katanya, hasil siasatan juga mendapati Lalang mendapatkan bekalan dari Kuala Lumpur dan cuba mengedarkannya secara bersendirian di sekitar Triang serta Felda Purun di Bera.

"Selain mengedar, dia juga penagih dadah positif HIV yang bergerak bersendirian," katanya.

Menurutnya, Lalang yang pernah ditahan di pusat serentit akan direman hingga 2 Mac ini

dan disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 membawa hukuman mandatori gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

“ Polis turut merampas RM2,190 disyaki wang hasil pengedaran dadah daripada lelaki terbabit. Selain mengedar, dia juga penagih dadah positif HIV yang bergerak bersendirian.”

Abdul Aziz



Abdul Aziz (dua, kiri); pegawai penyiasat, Inspektor S Navendran (kiri) dan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD, Asisten Superintendant Jasmi Aizan (dua, kanan) bersama rampasan dadah jenis heroin daripada Lalang ketika sidang media, semalam.